

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RPK 421 - Landskap

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab ENAM soalan. SEMUA daripada BAHAGIAN A dan PILIH DUA daripada BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. Sejarah senitaman boleh dikaji dalam empat peringkat. Nyatakan keempat-empat peringkat tersebut dan bincangkan secara terperinci peringkat manakah yang memberi kesan serta pengaruh yang paling ketara dalam perkembangan seni taman pada hari ini?

(10 markah)

2. Terdapat empat teknik penilaian landskap yang boleh digunakan apabila sesuatu kajian landskap diperlukan. Bincangkan dua daripada empat teknik tersebut.

(15 markah)

3. Gutkind mengenal pasti empat peringkat perubahan sikap manusia terhadap alam sekitar. Bincangkan keempat-empat peringkat tersebut.

(15 markah)

...2/-

4. Berikan pengertian kepada istilah-istilah berikut serta di zaman manakah ianya mula dikenali?
- (a) Piazza
  - (b) Agora
  - (c) Aquaduct
  - (d) Polis
  - (e) Ziggurat
  - (f) Maydan
  - (g) Topiary
  - (h) Peristyle
  - (i) Ha-ha
  - (j) Atrium

(10 markah)

BAHAGIAN B

Pilih DUA (2) soalan daripada Bahagian ini.

5. Ian McHarg dalam bukunya "Design with Nature" memperkatakan bahawa sistem perancangan landskap hendaklah berlandaskan kepada usul yakni alam semula jadi itu adalah proses dan nilai yang memperlihatkan kedua-dua peluang serta konstren untuk kegunaan manusia.
- (a) Bincangkan konsep perancangan landskap yang digunakannya dalam menilai peluang serta konstren sesuatu kajian landskap.
  - (b) Bincangkan prosedur analisis mengikut kaedah yang digunakan oleh Ian McHarg.

(25 markah)

... 3/-

6. Seorang pelancong yang baru datang melawat ke Malaysia begitu kagum melihat keindahan semulajadi serta aktiviti penlandskapan di Malaysia. Setelah anda mengenali beliau, pelancong tersebut terus bertanyakan mengenai ciri-ciri atau konsep 'Senitaman Melayu' kepada anda. Apakah jawapan anda?

(25 markah)

7. Pemilihan dan penggunaan tumbuhan dalam aktiviti penlandskapan adalah penting. Sebagai pereka/perancang anda semestinya mengenali tumbuhan-tumbuhan hiasan yang digunakan serta sifat dan fungsi sesuatu jenis tumbuhan tersebut.

- (a) Berikan nama biasa dan nama botani sepuluh jenis tumbuhan hiasan yang paling popular digunakan.  
(b) Apakah fungsi pemilihan tumbuhan hiasan tersebut.

(25 markah)

8. Dalam menjalankan sesuatu projek penlandskapan, spesifikasi landskap adalah penting. Bincangkan isi kandungan/perkara-perkara yang perlu dimasukkan dalam spesifikasi landskap.

(25 markah)

-oooo0ooo-